



22110186



International Baccalaureate®
Baccalauréat International
Bachillerato Internacional

MALAY A1 – HIGHER LEVEL – PAPER 2
MALAIS A1 – NIVEAU SUPÉRIEUR – ÉPREUVE 2
MALAYO A1 – NIVEL SUPERIOR – PRUEBA 2

Monday 16 May 2011 (morning)

Lundi 16 mai 2011 (matin)

Lunes 16 de mayo de 2011 (mañana)

2 hours / 2 heures / 2 horas

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

- Do not open this examination paper until instructed to do so.
- Answer one essay question only. You must base your answer on at least two of the Part 3 works you have studied. You may include in your answer a discussion of a Part 2 work of the same genre if relevant. Answers which are not based on a discussion of at least two Part 3 works will not score high marks.
- You are not permitted to bring copies of the works you have studied into the examination room.

INSTRUCTIONS DESTINÉES AUX CANDIDATS

- N'ouvrez pas cette épreuve avant d'y être autorisé(e).
- Traitez un seul sujet de composition. Vous devez baser votre réponse sur au moins deux des œuvres de la 3^e partie que vous avez étudiées. Le cas échéant, vous pouvez inclure dans votre réponse une discussion sur une œuvre du même genre littéraire étudiée dans la 2^e partie du programme. Les réponses qui ne sont pas basées sur au moins deux des œuvres de la 3^e partie n'obtiendront pas une note élevée.
- Vous n'êtes pas autorisé(e) à amener des exemplaires des œuvres que vous avez étudiées dans la salle d'examen.

INSTRUCCIONES PARA LOS ALUMNOS

- No abra esta prueba hasta que se lo autoricen.
- Elija un tema de redacción. Su respuesta deberá basarse en al menos dos de las obras estudiadas en la Parte 3. Se podrán hacer comentarios sobre una obra de la Parte 2 del mismo género, si fuera necesario. Las respuestas que no incluyan una discusión sobre al menos dos obras de la Parte 3 no recibirán notas altas.
- No se permite traer a la sala de examen copias de las obras estudiadas.

*Jawab satu soalan esei sahaja. Jawapan anda hendaklah berdasarkan sekurang-kurangnya dua daripada karya-karya yang anda kaji dalam Bahagian 3. Anda boleh memasukkan ke dalam jawapan anda perbincangan dari satu karya dalam Bahagian 2 dari genre yang sama sekiranya ada perkaitan. Jawapan-jawapan yang **tidak berdasarkan** perbincangan dari sekurang-kurangnya **dua karya** dalam Bahagian 3, **tidak akan** mendapat markah yang tinggi.*

Cerpen

1. Berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya dalam Bahagian 3 yang anda kaji, bandingkan bagaimana pengarang yang berbeza mengolah elemen takdir atau kebetulan dalam karya mereka.
2. Berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya dalam Bahagian 3 yang anda kaji, bandingkan teknik-teknik yang digunakan pengarang cerpen untuk membina perwatakan dalam jangkamasa yang singkat.

Drama

3. Dengan membandingkan secara teliti subjek dan gaya dua atau lebih drama dalam Bahagian 3 yang anda kaji, sebutkan sejauhmanakah ianya berfungsi sebagai kiasan atau alegori kepada pengalaman manusia.
4. Berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya dalam Bahagian 3 yang anda kaji, bincangkan bagaimana dan mengapakah beberapa watak kecil atau sampingan dapat dipaparkan sehingga meninggalkan kesan yang berpanjangan. Sebutkan watak-watak sampingan yang anda dapati dipaparkan dengan cukup berjaya.

Novel

5. Bagaimana dan sejauhmanakah faktor kekecewaan dan/atau kegagalan watak-watak utama memberi kesan mendalam kepada perkembangan cerita berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya dari Bahagian 3 yang anda kaji?
6. Berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya dalam Bahagian 3 yang anda kaji, bandingkan bagaimana pengarang yang berlainan mengemukakan imejan-imejan visual dan aural yang berkesan dalam memperkuat naratif sesuatu karya.

Prosa Tradisional

7. Bagaimana dan sejauhmanakah kisah-kisah keagungan dan/atau kesaktian raja-raja dan/atau pahlawan memberi kesimpulan tentang sikap dan pemikiran masyarakat tradisional berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya dalam Bahagian 3 yang anda kaji?
8. Bagaimana dan sejauhmanakah kepentingan wanita dan/atau kanak-kanak dipaparkan dalam sekurang-kurangnya dua karya prosa tradisional di Bahagian 3 yang anda kaji?

Puisi

9. Berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya dalam Bahagian 3 yang anda kaji, bandingkan bagaimana pengarang yang berlainan mengolah tema keagamaan atau kerohanian dalam karya mereka.
10. Berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya dalam Bahagian 3 yang anda kaji, bincangkan bagaimana dua atau lebih penyair menggunakan unsur kesamaran atau ketaksaan untuk memberi kesan kepada puisi-puisi mereka.

Am

11. Berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya dalam Bahagian 3 yang anda kaji, bincangkan bagaimana dan sejauhmanakah berkesannya pengarang mengangkat persoalan kebebasan individu atau hak asasi manusia.
12. Bagaimana dan sejauhmanakah pengarang-pengarang dapat dianggap sebagai mata dan telinga masyarakat? Jawapan anda hendaklah berdasarkan kepada sekurang-kurangnya dua karya dalam Bahagian 3 yang anda kaji.
13. “Pengembaraan tanpa bergerak seinci pun; itulah gunanya buku!” Bandingkan dua atau lebih karya dalam Bahagian 3 yang anda kaji, berdasarkan kepada kenyataan ini. Kemukakan bagaimana dan sejauhmanakah ianya menimbulkan kesan pengembaraan kepada pembaca.
14. Dengan meneliti teknik pemaparan dan penerapan pengarang, nilaikan kepentingan konflik atau krisis sebagai satu elemen kesusasteraan yang terdapat pada sekurang-kurangnya dua karya dalam Bahagian 3 yang anda kaji.